



Imej Bandar

MASJID TANAH



PLANMalaysia @ Melaka

Perancangan Melangkaui Kelaziman | Planning : Beyond Conventional



Imej Bandar
MASJID TANAH

Sidang Redaksi

Penasihat

TPr. Md Nazri bin Abdullah

Editor

Zahrah binti Mokhtar

Penyelidik

Haslan bin Hamzah

Pembantu Penyelidik

Noorsham Iqbal bin Nordin

Syafini binti Mohamad Yasin

Mohd Zulfadhli bin Abd. Wahid

Nur Sharina binti Hamdan

Norlyza binti Rosli

Mohd Fakrul Affendy bin Hamzam

Mohd Khairul bin Ismail

Mohd Fazali bin Ab. Aziz

Muhammad Rizqi Ardani bin Asri (Pelajar Praktikal)

Grafik dan Reka Letak

Unit Projek Khas dan Inovasi

Terbitan

PlanMalaysia@Melaka

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka)

Aras 5, Wisma Negeri,

Bandar MITC, Hang Tuah Jaya,

75450 Ayer Keroh, Melaka

CETAKAN PERTAMA 2019

PLANMalaysia@Melaka (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka)

Hak cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin daripada Pengarah PLANMalaysia@Melaka (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka), Aras 5, Wisma Negeri, Bandar MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka

Imej Bandar
MASJID
TANAH

ISI KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH	1
SEULAS PINANG	2
SECEBIS BICARA	3
ANJUNG KATA	6
Latar Belakang	10
Sejarah Awal	18
Topologi	25
Morfologi	28
Senibina	38
Infrastruktur	54
Kemudahan dan Perkhidmatan	62
Sosio-ekonomi	94
Rekreasi dan Perlancongan	110
Menu	136
Wajah-wajah	146
ANJUNG BERLABUH	151
PENGHARGAAN	153
RUJUKAN	154

PENAFIAN

Penerbitan ini tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketidaktepatan atau ketidaksempurnaan apa-apa maklumat yang terkandung di dalam buku ini. Penerbit telah memastikan semasa penyediaan buku ini, maklumat yang diperolehi telah didapati daripada sumber yang sewajarnya dan disahkan oleh pihak yang berkaitan. Pemilik tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kecederaan atau ganti rugi daripada penggunaan apa-apa maklumat di dalam buku ini. Terma dan syarat ini tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa samada dengan notis atau tanpa notis.

Sekapur Sirih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah, izin dan kurnia-NYA, Pihak PLANMalaysia@Melaka berjaya menerbitkan sebuah buku *Coffee Table Book* yang memaparkan **Imej Bandar Masjid Tanah**.

Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada kumpulan editorial kerana berjaya menghasilkan sebuah naskah yang sarat dengan informasi menarik mengenai perkembangan Bandar Masjid Tanah sekaligus mempopularkan Masjid tanah di mata dunia.

Sebagai penasihat utama kepada Kerajaan Negeri dalam menyelaras semua aktiviti pemajuan di Melaka, saya amat menggalakkan usaha penerbitan bahan bacaan ilmiah seumpama ini. Hal ini demikian kerana setiap daerah di Negeri Melaka kaya dengan sejarah dan tarikan yang wajar dikongsi bersama.

Sebuah buku barangkali tidak dapat merungkai semua perkara, namun usaha ke arah memperkaya budaya ilmu untuk dikongsi bersama seharusnya diberi pujian.

Selamat membaca *Coffee Table Book* : Imej Bandar Masjid Tanah.
Salam hormat,



(YAB TUAN ADLY BIN ZAHARI)
KETUA MENTERI MELAKA

Seulas Pinang

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada PlanMalaysia@Melaka kerana berjaya menghasilkan *Coffee Table Book* : Imej Bandar Masjid Tanah.

Saya amat menghargai usaha dan inisiatif untuk mendokumentasikan bahan, maklumat, foto lama dan baharu untuk dijadikan bahan rujukan kepada generasi kini dan akan datang. Secara tidak langsung, buku ini mengembalikan ingatan kegemilangan Pekan Masjid Tanah yang menjadi nadi kepada penduduk ketika itu agar tidak lapuk ditelan zaman.

Semoga catatan ringkas yang penuh warna warni ini akan dihayati sebagai medium menghubungkan masa silam, kini dan akan datang.

Akhir kata, syabas dan tahniah atas usaha murni ini. Saya akan memberi sokongan terhadap usaha penerbitan seumpama ini kepada mana-mana juga jabatan atau agensi kerajaan di negeri ini.

Sekian.



(YB DATO' SERI HASIM BIN HASAN)
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA



Secebis Bicara

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera


Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang, Selawat dan Salam Atas Junjungan Nabi Muhammad SAW kerana dengan limpah kurnia-NYA PLANMalaysia@Melaka berjaya menghasilkan *Coffee Table Book* : Imej Bandar Masjid Tanah. Buku ini merupakan bahan bacaan ilmiah yang santai dan mudah dibawa kemana-mana untuk pembaca lebih mengenali Bandar Masjid Tanah.

Saya amat berbangga dengan penghasilan buku ini yang banyak merakamkan kisahnya dan peristiwa penting dapat dirungkai dan dibukukan hasil daripada pelbagai sumber lisan dan bertulis.

Saya berharap melalui penerbitan bahan bacaan ini dapat menyalurkan maklumat-maklumat yang menarik dengan menetengahkan skop revolusi perkembangan perancangan bandar di Bandar Masjid Tanah. Buku ini amat sesuai untuk dijadikan bahan rujukan selain merungkai keunikan dan keindahan Alor Gajah daripada pelbagai perspektif.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada sidang redaksi serta semua lapisan pegawai PLANMalaysia@Melaka yang telah berusaha gigih bagi merealisasikan penerbitan *Coffee Table Book* : Imej Bandar Masjid Tanah.

Wassalam



TPr. MD NAZRI BIN ABDULLAH

Masjid Tanah

Anjung Rata

Rupa Bandar Masjid Tanah

Ciri keistimewaan rupa bandar Masjid Tanah ialah bangunan rumah kedai sebelum perang di Jalan Masjid Tanah dan Jalan Besar membentuk kelompok bangunan yang mempunyai fasad bangunan yang sangat menarik. Kebanyakan daripada bangunannya mempunyai fasad bangunan, depan kedai, dinding, bumbung, pintu masuk dan tingkap yang istimewa seni binanya.

Deretan bangunan-bangunan tersebut melengkung mengikut jajaran jalan besar dan ianya sangat menarik. Ini ditambahkan lagi dengan adanya sebuah menara jam di persimpangan tengah bandarnya membentuk vista yang boleh kelihatan dari jauh.

Coffee Table Book : Imej Bandar Masjid Tanah ini diterbitkan sebagai bacaan ilmiah yang santai untuk pembaca menghayati era perancangan pembangunan iaitu sebuah pekan kecil di dalam Daerah Alor Gajah yang terletak di utara Bandaraya Melaka.

Buku ini memberi tumpuan kepada perancangan fizikal, bermula daripada sejarah pewujudan pekan ini, diikuti perkembangan Masjid Tanah dan aktiviti sokongan lain yang menjadi pemangkin pemelesaian pertumbuhan bandar ini sekitar tahun 1920-an sehingga kini.

Penulisan buku ini juga telah diolah semula berdasarkan kajian lisan yang dibuat, iaitu temu bual bersama masyarakat setempat. Seterusnya beberapa bahagian lain berdasarkan tinjauan semasa di lokasi yang disokong oleh rujukan ilmiah dan sumber-sumber lain yang berkaitan.

Oleh yang demikian, penerbitan buku ini secara tidak langsung merupakan satu usaha merekod penceritaan lalu bermula dari sejarah pembukaan sehingga revolusi bandar dan perkembangan terkini untuk rujukan generasi akan datang.



Selamat Pagi Si Masjid Tanah

Semua hidangan sedap belaka,
Makan pula guna camca,
Coffee Table Masjid Tanah telah sedia,
Memberi ilmu semua pembaca.

Jalan-jalan di hujung desa,
Makan-makan di Tanjung Bidara,
Masjid Tanah aman sentosa,
Rakyat bersatu hidup sejahtera.

Sedap minum kelapa pandan,
Sambil mendengar lagu keroncong,
Masjid Tanah jadi tumpuan,
Bandar indah digemari pelancong.

Masjid Tanah penuh budaya,
Khazanah bangsa tidak terkira,
Sejarahnya kebanggaan negara,
Warisan dunia sama dijaga.

Pandangan Jalan Besar Bandar Masjid tanah dari arah selatan melalui udara.

latar Belakang

MASJID


TANAH

Sistem Pentadbiran

Masjid Tanah merupakan kawasan yang diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Alor Gajah.

Dahulunya dikenali sebagai Majlis Luar Bandar Alor Gajah, kemudian telah disusun semula mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171 dan diberi pengiktirafan sebagai Majlis Daerah Alor Gajah pada 1 Julai 1978 yang ditadbir oleh Pegawai Daerah. Seterusnya pada 1 Mei 2003, Majlis Daerah Alor Gajah telah dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

Kini, perancangan perkhidmatan perbandaran dan pembangunan kemudahan infrastruktur serta sosial penduduk di Daerah Alor Gajah semakin teratur dan terus dengan adanya MPAG yang ditadbir oleh seorang Yang Dipertua (YDP).



Daerah Alor Gajah dalam konteks Negeri Melaka

Negeri Melaka dalam konteks Malaysia

Latar Belakang

Bandar Masjid Tanah terletak kira-kira 15 kilometer daripada pusat Bandaraya Melaka. Pusat bandaranya terletak di simpang tiga jalan utama iaitu dari Bandar Melaka, ke Alor Gajah dan ke Port Dickson. Ia merupakan sebuah pekan kecil dengan kadar pembangunan yang amat rendah.

Sebelum pilihanraya umum tahun 2004, Masjid Tanah terletak di bawah kawasan Parlimen Alor Gajah. Bermula dari tahun 2004, Parlimen Masjid Tanah telah diwujudkan. Terdapat 5 DUN di bawah pentadbirannya iaitu DUN Tanjung Bidara, DUN Air Limau, DUN Lendu, DUN Taboh Naning, DUN Kuala Linggi.




Parlimen Masjid Tanah (P134) merangkumi kawasan seluas 330 kilometer persegi dengan 54,150 orang (77%) penduduk bumiputra dan 16,000 orang (23%) penduduk bukan bumiputra



Cuna Tanah

Parlimen MASJID TANAH



PARLIMEN MASJID TANAH

Klasifikasi Guna Tanah	Keluasan (H)	Peratus (%)
Perumahan	13,341.68	7.72
Komersial	1,363.67	0.79
Industri	2,707.13	1.57
Pembangunan Bercampur	6.36	0.00
Institusi Dan Kemudahan Masyarakat	5,378.73	3.11
Tanah Lapang dan Rekreasi	2,774.59	1.61
Tanah Kosong	13,201.48	7.64
Pengangkutan	11,218.36	6.49
Pantai	760.43	0.44
Infrastruktur dan Utiliti	1,641.53	0.95
Pertanian	106,171.71	61.46
Hutan	9,098.64	5.27
Badan Air	5,082.61	2.94
Jumlah	172,746.90	100.00



Secara keseluruhannya, bentuk muka bumi Masjid Tanah adalah rata dan landai. Hampir 75 peratus (%) keadaan muka buminya adalah landai kerana berada di bawah ketinggian 50 meter dari aras laut. Sungai Baharu yang menyusuri Bandar Masjid Tanah juga memisahkan bandar lama dan bandar baru.

Sejarah Awal
**MASJID
TANAH**



Peta Negeri Melaka dan Nanning pada tahun 1825

Sejarah Awal

Masjid Tanah suatu ketika dahulu adalah sebuah pekan hab-perdagangan yang dibawa daripada Kota Melaka ke daerah-daerah sekitar utara Negeri Melaka dan Alor Gajah dan juga sebaliknya. Masjid Tanah dihuni oleh pelbagai lapisan masyarakat yang penduduk utamanya adalah berbangsa Melayu.

Disebabkan lokasinya yang berada di dalam Daerah Alor Gajah dan berdekatan dengan sempadan Negeri Sembilan, sebilangan besar dari penduduk Masjid Tanah dan kampung-kampung sekelilingnya bertutur dalam loghat Negeri Sembilan atau loghat Minang, atau lebih dikenali oleh orang Masjid Tanah dengan loghat 'Hulu' atau 'Cakap Hulu'.



Menurut catatan sejarah, Alor Gajah mula diteroka oleh orang-orang Minangkabau pada kurun ke-12. Penghijrahan beramai-ramai penduduk Minangkabau dari Daerah Tampin semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka menyebabkan wujud petempatan penduduk. Sejak itu, kawasan ini menjadi kawasan petempatan yang pesat dengan penduduknya yang bekerja sebagai petani.

Semasa pemerintahan Datuk Naning Dol Said, aktiviti perdagangan telah mula berkembang dengan pembukaan kedai-kedai di bandar ini. Semasa Inggeris menjajah Melaka, bandar ini turut diperintah oleh Inggeris dan memasukkan Masjid Tanah di dalam peta Melaka.



Masjid Tanah dalam konteks Negeri Melaka Zaman British



<http://www.saribundo.biz/sejarah-gelar-sidi-masyarakat-at-pariaman.html>



<http://echopedia.blogspot.my/2015/03/jenis-gelar-dat-di-minangkabau.html>



<http://surauparabek.com/minang-bermetamorfosis/>



<http://surauparabek.com/minang-bermetamorfosis/>

ADAT PEPATIH

Selain Negeri Sembilan, Adat Papatih masih diamalkan di Alor Gajah terutamanya di Masjid Tanah. Hal-hal berkaitan dengan perkahwinan, pembahagian harta pusaka dan pengurusan kelompok-kelompok sosial masyarakat mengikut suku-suku yang terdapat di dalamnya. Dari aspek sosial, Adat Papatih masih bercirikan hidup kekeluargaan seperti budaya kerjasama, bermuafakat, hormat-menghormati dan semangat kejiranan.

Pada teorinya, terdapat 12 suku dalam Adat Papatih iaitu Anak Acheh, Anak Melaka, Batu Belang, Batu Hampar, Biduanda, Paya Kumbuh (Perkumbuh), Mungkal, Seri Lemak (Selemek), Seri Melenggang (Semelenggang), Tanah Datar (Tedatar), Tiga Batu dan Tiga Nenek.

ASAL USUL NAMA MASJID TANAH

Masjid ini telah diwartakan sebagai monumen bersejarah di bawah Akta Benda Purba, 1976.

Masjid Tanah mendapat nama sempena sebuah masjid yang terletak di tengah-tengah pekan yang dibina daripada tanah di tepian sungai. Lokasinya terletak di dalam Pekan Masjid Tanah. Masjid ini dibina pada tahun 1800-an oleh seorang Sheikh yang berasal dari Gujarat. Namun Hj. Sulong bin Sibeng merupakan orang tempatan yang turut bekerja keras dalam pembinaannya.

Pada awalnya pembinaan masjid ini berasaskan tanah. Oleh hal yang demikian, masjid tersebut dikenali sebagai Masjid Tanah. Masjid ini pernah menjadi tempat sembahyang bagi orang-orang dari Kampung Tengah, Kampung Durian Daun dan beberapa kampung lain sebelum kewujudan masjid-masjid di setiap kampung di kawasan Masjid Tanah.

Pada tahun 1951, masjid ini telah diubahsuai. Antara kerja-kerja yang dilakukan ialah memperbaiki tapak dan menggantikan atapnya. Masjid ini hanya dijadikan sebagai tempat persinggahan sahaja setelah masjid baru Masjid Tanah siap dibina.

Masjid Tanah suatu ketika dahulu adalah sebuah pekan perdagangan yang dibawa daripada Kota Melaka ke daerah-daerah sekitar utara Negeri Melaka dan Alor Gajah dan juga sebaliknya.



Topologi

Kebanyakan kawasan di Masjid Tanah membentuk muka bumi yang landai dan berbukit rendah terdiri daripada tanah bergambut dan tanah beralun dari jenis laterit dan amat sesuai untuk penanaman kelapa sawit dan getah. Selain perladangan, kawasan tanah pamah yang rata juga menjadikan Masjid Tanah sebagai pusat tumpuan penempatan penduduk kerana ia dapat meningkatkan kegiatan perniagaan dan meningkatkan ekonomi penduduk setempat



The background is a solid purple color with a subtle, textured pattern of fine, light-colored lines. A dark purple silhouette of the Indonesian archipelago is centered on the right side. Overlaid on the map is a white silhouette of a mosque with a prominent dome and minaret. The text is positioned over the map and mosque silhouette.


Morfologi
MASJID
TANAH

Morfologi

PERKEMBANGAN BANDAR MASJID TANAH DAHULU

Pada tahun 1920-an beberapa bangunan rumah kedai digantikan dengan bangunan baru. Bangunan rumah kedai tersebut terletak di persimpangan utama Bandar Masjid Tanah - Alor Gajah. Bangunan di persimpangan ini membentuk imej dan rupa bentuk bandar yang menarik dengan gaya bina bangunan yang mempunyai parapet seperti gerbang.

Masjid yang diperbuat daripada tanah antara bangunan awal yang dibangunkan di Bandar Masjid Tanah



1939

1935

1931

1938

1931

1972

1940

AKTIVITI SEMASA PEMBANGUNAN AWAL DI BANDAR MASJID TANAH



MASJID



Aktiviti Keagamaan

Blok 1

1931



Kedai Emas Kedai Jahitan Kedai Alat Tulis Kedai Makanan Kedai Runcit 7Eleven

Blok 2

1938 1938 1938 1934



Kedai Perabot Kedai Prepaid Kedai Gambar Kedai Perkhidmatan Penghantaran Kedai Elektrik

Blok 3

1931 1931



Rumah Kedai Kedai Biskut

Blok 4

1931 1931 1936 1936



Rumah Kedai Kedai Komputer Kedai Elektrik Kedai Cermin Mata

Blok 5

1939 1939



Kedai Perabot Kedai Elektrik Kedai Perabot Kedai Barangan Elektrik Kedai Runcit Kedai Runcit Kedai Ubat

1935


1972



Kedai Peralatan Elektrik Kedai Runcit Kedai Serbaneka Kedai Makan Kedai Kosong Kedai Jahitan Kedai Runcit Kedai Jahitan & Bunga Kedai Emas Kedai Pajak

Blok 6

1940



Kopitiam Kedai Telefon

2019

PERKEMBANGAN BANDAR TERKINI

-  Bandar Masjid Tanah Seksyen 1
-  Bandar Masjid Tanah Seksyen 2
-  Bandar Masjid Tanah Seksyen 3

2019

35

36



Seni Bina
MASJID
TANAH


Seni Bina

RUMAH KEDAI

Terdapat 62 unit bangunan rumah kedai sebelum perang yang menjadi nadi kepada pembentukan bandar ini.

Bangunan rumah kedai di Masjid Tanah menjadi tarikan kerana mempunyai pelbagai jenis reka bentuk dan seni bina.

Hampir separuh dari bangunan rumah kedai ini mempunyai seni bina gaya *Art Deco* iaitu 44% diikuti oleh seni bina gaya awal Era Peralihan sebanyak 24% seperti jadual.



TABURAN DAN GAYA SENI BINA BANGUNAN SEBELUM PERANG DI MASJID TANAH, MELAKA						
Jalan	Gaya Awal Kolonial	Awal Rumah Kedai	Gaya Eclectic	Gaya Art Deco	Gaya Neo-Klasik	Jumlah Bangunan
Jalan Masjid Tanah	-	4	14	-	-	18
Jalan Besar	5	11	2	3	21	42
JUMLAH	5	15	16	3	21	60

Transaksi dan Perubahan Reka Bentuk Rumah Kedai Yang Terhasil Daripada Pendedahan Pelbagai Pengaruh

1840-an - 1900-an



Pengaruh reka bentuk dari selatan China amat ketara kerana kapitan Cina mengupah tukang khas dari tanah besar China.

1890-an - 1910-an



Penggunaan hiasan yang lebih sarat serta pengaruh gaya eropah terutama pada bahagian tiang dan tingkap mula digunakan.

1910-an - 1930-an



Fasad turut menampilkan bahan-bahan hiasan yang diimport dari Eropah seperti besi tuang dan jubin bercorak.

1930-an - 1960-an



Reka bentuk geometri yang menegangkan garisan-garisan melintang dan menegak hasil pengaruh aliran Art Deco di Eropah.



Struktur Rumah Kedai


Secara umumnya, fasad hadapan di tingkat atas dipenuhi dengan tingkap yang sama bentuk dan saiz pada kekotak bingkai konkrit, manakala daun tingkap pula adalah daripada panel kayu.

Rumah kedai di Masjid Tanah ini dibahagikan kepada 3 ruang, iaitu ruang hadapan, tengah dan belakang. Di tingkat bawah, ruang hadapan berfungsi sebagai ruang perniagaan bersekalinya dengan kaki lima. Ruang tengah pula menghubungkan ruang hadapan dan belakang serta menempatkan dapur. Bahagian belakang pula terdapat ruang *courtyard* yang memisahkan tandas dari dapur.



Awal Peralihan

Daun tingkap boleh dilihat pada senibina awal peralihan pada blok kedai pertama.



Neo-Klasik


Daun tingkap Neo-klasik pula merupakan perubahan pra moden di mana terdapat unsur tradisional dan moden.



Era Moden

Blok kedai moden yang boleh dilihat perubahan pada ekonomi Bandar Masjid Tanah.





Bumbung

Tingkat Atas


Tingkat Bawah

Kaki Lima

43




Pandangan Fasad Rumah Kedai



44





Pandangan Fasad Rumah Kedai




MASJID

Hampir kesemua bahagian binaan masjid yang mempunyai gaya seni bina Masjid Melayu Klasik ini mempunyai nilai warisan yang tinggi. Antaranya ialah muka bangunan, depan masjid, kehalusan ukiran dan kesenian, bumbung, dinding, pintu masuk dan tingkap. Bagaimanapun kedudukannya yang terlindung telah menghalang pandangan terbuka terhadap bangunan tersebut.




47



48

RUMAH TRADISIONAL MELAYU MELAKA



- 1 Ruang Anjung dan Serambi**
Kedudukannya di bahagian hadapan rumah digunakan untuk menyambut kedatangan tetamu dan bersantai.

- 2 Rumah Ibu**
Ruang utama yang luas untuk acara formal dan kenduri kendara

- 3 Rumah Selang**
Ruang yang memisahkan antara ruang formal di rumah ibu dengan ruang kerja di rumah dapur.

- 4 Rumah Dapur**
Digunakan oleh suri rumah untuk membuat persediaan makanan.

- 5 Jemuran**
Bahagian paling belakang (anjung belakang) untuk kerja mencuci.

Pembahagian ruang di dalam Rumah Tradisional Melayu begitu ringkas dan dibentuk oleh persekitaran budaya, adat dan nilai keagamaan dalam masyarakat Melayu.

Sumber : Seni Bina Malaysia (Warisan dalam kepelbagaian)

Rumah Melaka

Rumah tradisional di Melaka dikenali dengan panggilan Rumah Melayu Melaka yang pada kebiasaannya berteraskan bumbung atap yang panjang.

Rumah Melayu Melaka terkenal dengan tangga batunya yang disalut dengan jubin beraneka warna dan kebiasaannya bermotifkan bunga. Pepatah menyatakan, tanpa tangga rumah tradisional di Melaka hilang serinya.

Keindahan perkarangan rumah Melaka yang luas menjadi lebih terserlah apabila segenap ruang halaman depan dan sekeliling dihiasi hamparan landskap.

Keserian rumah tradisional Melayu Melaka ini ditambah dengan landskap laman yang biasanya dihiasi dengan pokok-pokok bunga, khususnya bunga kertas yang diletakkan dalam pasu beralaskan batu bata dan disusun di sekitar bahagian hadapan rumah.

Struktur Rumah Asli Melaka

Rumah yang asli menggunakan 12 hingga 16 batang tiang utama pada bangunan induk atau rumah ibu. Komponen bangunannya pula terdiri dari ibu rumah, ruang tengah dan dapur.

Pembahagian ruangnya pula terdiri dari ruang serambi dihadapan adakalanya ditambah dengan ruang anjung yang bertangga.

Di ruang tengah terdapat sebuah bilik dan antara rumah ibu dan dapur terdapat satu ruang yang dipanggil selang.

Di ruang tengah juga terdapat sebuah ruang antara bumbung dan bilik yang dipanggil peran atau loteng. Kegunaan ruang tersebut adalah untuk tempat tidur anak-anak gadis apabila mengadakan sebarang majlis dan juga sebagai tempat simpanan barang-barang.

Rumah ini biasanya dibina daripada kayu cengal, meranti dan damar laut.



Rumah tradisi Melayu yang indah ini tersergam di atas tapak seluas satu hektar di Londang, Masjid Tanah, Melaka. Rumah yang dipenuhi oleh ukiran halus disetiap sudut rumah ini dipunyai oleh Hajah Endon binti Hj Said yang diwarisinya dari tiga generasi yang lalu. Pembinaan rumah ini telah diusahakan sepenuhnya oleh datuk beliau dengan menggunakan kayu cenai. Pada asalnya rumah ini beratapkan rumbia. Ukiran-ukiran halus yang terdapat disini adalah ukiran tangan yang telah berusia lebih dari seratus tahun.



51



52



Infrastruktur
**MASJID
TANAH**

Infrastruktur



Terdapat beberapa bangunan kedai yang dibina sekitar tahun 1930-an. Bagi penduduk asal Masjid Tanah, Pekan Masjid Tanah dipanggil 'SIMPANG' merujuk kepada pekan asal yang mempunyai 3 simpang (simpang tiga di hadapan Jam Besar Masjid Tanah). Antara kampung di sekitar pekan ini ialah Kampung Lekok, Kampung Paya Rumput, Kampung Jeram, Kampung Pulau, Kampung Ayer Limau, Kampung Durian Daun, Kampung Londang, Kampung Solok Duku, Kampung Seri Tanjung, Kampung Pulau Semut dan lain-lain.



Jalan Masjid Tanah - Sungai Udang

Masjid Tanah boleh dihubungi dari Bandaraya Melaka melalui Jalan Masjid Tanah - Sungai Udang , dari Port Dickson melalui Jalan Masjid Tanah - Kuala Sungai Baru - Kuala Linggi dan dari Alor Gajah melalui Jalan Alor Gajah - Masjid Tanah



Jalan Alor Gajah - Masjid Tanah



Jalan Masjid Tanah - Kuala Sungai Baru - Kuala Linggi

Jambatan Kuala Linggi



Sumber : Suara Melaka, September 1994

Jambatan Sungai Linggi yang menghubungkan Kampung Tanjung Agas di Negeri Sembilan dan Kampung Kuala Linggi, Melaka membawa banyak perubahan dan implikasi positif terhadap pembangunan kepada kedua-dua negeri bersempadan ini.

Sebelum jambatan sepanjang hampir 1 kilometer ini dibina pada tahun 1995, penduduk di kedua-dua negeri ini terpaksa berulang-alik antara Port Dickson dan Melaka menaiki sampan dengan tambang yang dikenakan sebanyak RM1.20 bagi perjalanan sehala.

Bagi penduduk atau orang ramai yang menaiki kenderaan dari Port Dickson ke Melaka terpaksa melalui Pasir Panjang, Pengkalan Kempas, Linggi, Lubok Cina, Masjid Tanah dan Melaka.



Petempatan Awal

Kampung Ayer Limau telah dibuka sekitar tahun 1820. Antara orang pertama yang meneroka kampung ini adalah Datuk Penghulu Tua yang berasal dari Melekek. Kawasan yang mula-mula dibuka ialah Solok Ayer Limau atau Solok Pokat yang telah dikenali kini sebagai Jalan Hj. Hassan.

Asalnya, Kampung Ayer Limau bermula dari hujung pekan Masjid Tanah meliputi Kampung Pinang hinggalah ke Kampung Bukit Apit yang bersempadan dengan Kampung Rantau Panjang.

Setelah berlaku persempadanan semula, maka pada hari ini Kampung Ayer Limau terletak di tengah-tengah kedua-dua kampung tadi iaitu bermula dari Sungai Ayer Limau hinggalah ke Sekolah Kebangsaan Ayer Limau yang meliputi keluasan kira-kira 7 km persegi. Pada hari ini, jarak dari bandar Masjid Tanah adalah sejauh lebih kurang 1 km.



Asal usul nama kampung ini adalah daripada pokok limau nipis dan limau kasturi yang banyak terdapat di kawasan ini sewaktu awal pembukaannya.

Peneroka awal yang meneroka kampung ini telah sepakat untuk menamakannya sebagai Kampung Solok Ayer Limau dengan membahagikan kepada 2 kawasan iaitu kawasan Kampung Pinang dan Bukit Apit.

Datuk Penghulu Tua selaku peneroka awal kawasan ini adalah pengamal Adat Papatih dan dengan itu, semua keturunan dan penduduk kampung ini masih lagi mengamalkan Adat Papatih. Datuk Penghulu Tua telah disemadikan di tanah wakaf Seberang Perai.

Adalah dipercayai bahawa kubur Datuk Penghulu Tua masih wujud dengan menggunakan batu zaman dahulu kala. Masa telah berubah, maka hari ini kampung ini telah dinamakan KAMPUNG AIR LIMAU.

Kemudahan & Perkhidmatan

MASJID TANAH

Keagamaan

MASJID JAMEK PUTRA

Mengikut cerita orang-orang terdahulu, lebih kurang pada kurun ke-19, di atas tapak masjid asal ini terdapatnya sebuah bukit kecil seperti busut menyerupai bentuk sebuah khubah masjid. Pada mulanya, penduduk kampung yang tinggal berhampiran tidak memberikan perhatian terhadap busut tersebut. Sehingga lah seorang yang dianggap 'wara' dalam kampung tersebut telah bermimpi yang mana di dalam tidurnya dia didatangi oleh satu lembaga dan ianya mengesyorkan dibina sebuah masjid. Setelah mengamati mimpinya itu, maka beliau berbincanglah bersama-sama dengan orang-orang kampung mengenai mimpi itu. Akhirnya tercapailah kata sepakat membina sebuah masjid di situ.

Oleh kerana batu bata belum ada lagi pada zaman itu, berbekalkan taqwa serta semangat gotong-royong, kemasyarakatan dan setiakawan yang tebal dan jitu, akhirnya terbinalah sebuah masjid dari tanah liat sepenuhnya yang tidak diketahui bentuk dan saiznya. Sempena pembinaan masjid ini, kampung ini yang asalnya dipanggil Kampung Sungai Baru ditukar kepada Kampung Masjid Tanah mengambil sempena masjid asal dan yang pertama dibina di kampung ini.

Masjid yang asal letaknya di tepi sungai berhampiran dengan jambatan yang menghubungkan jalan ke arah Kampung Air Limau.



Masjid ini menjadi ikon Masjid Tanah, menggantikan Masjid Jamek Putra yang lama. Dibina dengan senibina yang serba putih, masjid ini unggul sebagai tempat ibadah, program keagamaan dan kenduri






TOKONG HAM KONG KIONG

Pembangunan yang seimbang di Masjid Tanah turut menyediakan kemudahan beribadat untuk kegunaan masyarakat berbilang bangsa dan agama dengan pembinaan tokong cina dan kuil selain dari masjid serta surau.



65



KUIL SRI MAHAMARIAMMAN
LADANG BUKIT CEMPEDAK

66

Pendidikan

SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN

ZAMAN JEPUN

Tiada sekolah ditubuhkan

SEBELUM KEMERDEKAAN (1946 - 1957)

SK BUKIT BERINGIN	1917
SK DURIAN DAUN 'K'	1921
SJK(C) MASJID TANAH	1923
SK MASJID TANAH (INTEG)	1926
SK PENGKALAN BALAK	1928
SK LUBOK REDAN	1938
SJK(C) PAYA MENGKUANG	1950
SK SUNGAI TUANG	1952
SK DATUK TAMBICHIK KARIM	1953
SK JERAM	1955

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN

ZAMAN JEPUN

Tiada sekolah ditubuhkan

SEBELUM KEMERDEKAAN (1946 - 1957)

Tiada sekolah ditubuhkan

SELEPAS KEMERDEKAAN (1957 - 1982)

SMK GHAFAR BABA	1962
SMK SULTAN ALAUDDIN	1970
SMK HANG KASTURI	1976
SMK ADE PUTRA	1982

Sumber : Portal Rasmi Jabatan Pendidikan Negeri Melaka.

Sekolah rendah yang tertua adalah Sekolah Kebangsaan Masjid Tanah atau lebih dikenali oleh orang lama sebagai 'Sekolah Melayu' yang dibina sebelum Perang Dunia Kedua.

Sekolah ini berasal dari sebuah sekolah yang telah didirikan lebih kurang pada tahun 1890 oleh tokoh tempatan masa itu yang bernama Bilal Lesai. Beliau adalah seorang ahli ibadah dan mahir dengan sejarah tempatan. Sekolah Sungai Baru ini telah didirikan di Jalan Durian Daun di tepi jalan raya yang sekarang adalah tapak rumah Allahyarham Cikgu Zaunudin b. Md. Din. Maklumat asal yang diperolehi, bangunan sekolah ini diperbuat daripada buluh sahaja.

Kemudian sekolah ini berpindah ke sekolah yang dibina di pekan Masjid Tanah dan bangunan sekolah ini telah menjadi bangunan MARA. Sekolah ini menerima perubahan dari zaman sebelum Jepun, zaman penjajahan Jepun, pemerintahan British hingga zaman kemerdekaan.

- 1926 - Sungai Baru Vernacular School
- 1948 - Masjid Tanah Vernacular School
- 1957 - Sekolah Umum Masjid Tanah
- 1962 - Sekolah Kebangsaan Masjid Tanah hingga sekarang



Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Masjid Tanah atau nama ringkasnya SJK(C) Masjid Tanah yang dibina pada tahun 1923 merupakan satu-satunya sekolah cina yang terdapat di Masjid Tanah.



Sekolah Menengah Kebangsaan Ghafar Baba terletak dalam Mukim Masjid Tanah dengan keluasan tanah seluas 13.5 ekar. Nama asal sekolah ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Masjid Tanah. Pada peringkat awal penubuhannya, ia menumpang di Sekolah Rendah Inggeris Masjid Tanah, Melaka (sekarang dikenali sebagai Sekolah Rendah Kebangsaan Datuk Tambichik Karim).

Sekolah ini ditubuhkan atas inisiatif masyarakat setempat dan diasaskan pada bulan Januari 1962. Ketua masyarakat yang bertanggungjawab mempelopori dan mengasaskannya ialah Datuk Tamby Chik bin Karim. Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengurus Sekolah yang pertama.

Peletakan batu asasnya telah dilakukan pada 24 September 1962 oleh Y.A.B. Encik Abdul Ghafar Baba, Ketua Menteri Melaka, sementara perasmianya dilakukan oleh Tuan Yang Terutama Tun Haji Abdul Malik Bin Yusuf, SMN, DMK, Gabenor Negeri Melaka pada hari Khamis 19 Mac 1964.

Pada tahun 1967, sekolah ini telah ditukar namanya daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Masjid Tanah menjadi Sekolah Ghafar Baba iaitu mengambil sempena nama Abdul Ghafar bin Baba, seorang anak watan Melaka yang mula mencipta nama dalam arena politik Malaysia.



Sumber : <http://masjidtanah.sjkc.com.my/home/history>





Sekolah Menengah **Imtiaz** Ulul Albab Melaka ini diasaskan penubuhannya oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri Malaysia merangkap Ahli Parlimen Kawasan Bagan Datoh, Perak. Sekolah yang terletak di Masjid Tanah ini mengguna pakai sistem dan konsep sekolah imtiaz terawal di Malaysia iaitu imtiaz Besut, Terengganu yang diilhamkan oleh Dato' Seri Hj Idris bin Jusoh, mantan Menteri Besar Terengganu juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jerneh merangkap Ketua Umno Bahagian Besut.

Sekolah Menengah Imtiaz Ulul Albab Melaka adalah sebuah sekolah agama yang berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) yang diuruskan oleh Y2G - Ulul Albab Center of Excellence yang diketuai oleh YBhg Datuk Hisham Bin Abd Majid (Pengerusi Y2G - Ulul Albab Center of Excellence).





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELAKA



INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA



KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA



INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)

Terdapat beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) yang berada di kawasan Masjid Tanah. Kewujudan institusi ini telah memberikan impak yang tinggi terhadap pembangunan di kawasan Masjid Tanah terutamanya dari aspek ekonomi dan sosial yang mampu memberikan pulangan serta menarik pengunjung atau orang luar ke Masjid tanah.

Antara IPT yang telah dibina ialah Kolej Matrikulasi Melaka di Londang, Universiti Teknologi MARA Melaka di Lendu, Institut Kemahiran Belia Negara di Ramuan China Besar, Kolej Kemahiran Tinggi Mara di Ayer Molek, Akademi Laut Malaysia (ALAM) di Kuala Linggi, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) di Kuala Sungai Baru dan Kolej Komuniti Masjid Tanah di Paya Rumput.



KOLEJ KOMUNITI MASJID TANAH

AKADEMI LAUT MALAYSIA (ALAM)



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)




KOLEJ KOMUNITI MASJID TANAH




KESIHATAN



KLINIK KESIHATAN MASJID TANAH
Klinik Kesihatan Masjid Tanah
Jalan Besar Masjid Tanah
78300 Alor Gajah



77



KESELAMATAN



BALAI POLIS MASJID TANAH
Balai Polis Masjid Tanah,
Polis Diraja Malaysia, 78300 Masjid Tanah,
Alor Gajah, Melaka

78

BALAI BOMBA



Balai Bomba asal sebelum pembinaan bangunan baru.



Terletak di Kampung Solok Duku, Masjid tanah. Balai bomba baharu ini mula beroperasi pada tahun 2002 menggantikan balai bomba yang lama.

Mempunyai objektif untuk memberi khidmat pencegahan dan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan memadam kebakaran serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan.



PERPUSTAKAAN AWAM MASJID TANAH



Perkhidmatan perpustakaan cawangan Masjid Tanah mula dibuka pada Mei 2005. Ia merupakan gedung ilmu, naskah-naskah pembelajaran dan majalah-majalah ilmiah yang berguna untuk rujukan pengunjung, pelajar serta semua komuniti setempat di Daerah Masjid Tanah.



DEWAN MASJID TANAH

Dewan ini dibina adalah bertujuan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan berpersatuan seperti pusat pentadbiran, mesyuarat dan perbincangan persatuan, aktiviti kewanitaan / kejiranan, aktiviti bersukan, pusat sumber / ilmu, tempat pendidikan / tadika / perpustakaan



KOMPLEKS SUKAN MASJID TANAH

Kompleks sukan ini mula dibina pada 31 Mei 2016 di atas sebidang tanah berkeluasan 3.47 ekar bersamaan 1.45 hektar yang terletak 1 kilometer dari Pekan Masjid Tanah. Di bawah peruntukan RMK-11, Kompleks Sukan Masjid Tanah telah diluluskan untuk dibina dengan kos hampir RM10 Juta.

Kompleks Sukan ini mengandungi satu (1) blok dua (2) tingkat dewan serbaguna berkapasiti 1000 orang, enam (6) gelanggang badminton, asrama berkapasiti 40 orang dan pejabat pentadbiran serta dataran terbuka untuk aktiviti senam cergas.



83



84



MASJID TANAH SENTRAL

Pada tahun 1960-an, sebanyak 6 buah bas penumpang dan 2 buah bas sekolah telah memulakan dan menjalankan perkhidmatannya dengan laluan :
 Alor Gajah/Pegoh Estate/Tampin
 Alor Gajah/Ayer Pa'abas
 Alor Gajah/Hutan Percha
 Masjid Tanah/Brisu
 Masjid Tanah/Kg.Pulau/Kuala Sungai Baru/Ayer Molek



Stesen Bas Masjid Tanah Sentral dilengkapi dengan kemudahan penghawa dingin dan boleh menempatkan kira-kira 120 penumpang yang menunggu ketibaan bas pada satu masa.



Perkhidmatan bas MARA pada tahun 1960-an di Bandar Masjid Tanah.▼
 Sumber : Arkib Negara




Perhentian Bas Masjid Tanah sebelum pembinaan bangunan baru.▼



Kompleks LKIM Kuala Linggi

Bangunan yang mula beroperasi pada November 2012 ini terletak di Kuala Linggi. Objektif utamanya adalah memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan serta memperkembang dan memajukan perusahaan perikanan negara.

Selain itu, LKIM di Kuala Linggi ini berfungsi untuk aktiviti *barter trade* ke negara jiran (Dumai, Sumatera dan Indonesia), pusat pemungghahan bahan makanan ke kapal dan menjadi tempat pembaikan kapal-kapal pedagang seperti TAG Marine.



Kompleks Perahu Layar Hang Jebat

Didirikan di pantai Pengkalen Balak, ia terletak lebih kurang 30km dari Kompleks Sukan Hang Jebat. Mula dibina pada November 2009, kompleks ini siap sepenuhnya pada April 2010 sempena Melaka sebagai tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA). Diletakkan di bawah pengurusan Perbadanan Stadium Melaka. Kompleks ini dijangka mampu untuk menganjurkan pertandingan bertaraf tinggi. Penyediaan kemudahan yang canggih dan bertaraf tinggi membolehkan kompleks ini menganjurkan kejohanan-kejohanan yang besar. Antara kemudahan yang disediakan disini ialah lounge, kaunter tiket, bilik VIP, pejabat pengurusan, ruang tamu, surau, bilik persediaan, bilik dobi, ruang penyimpanan perahu layar, bilik media, bilik petugas, kawasan bilasan pelayar, bilik mesyuarat dan juga hostel (20 bilik berkembar dan 10 bilik seorang). Kemudahan perahu layar juga disediakan bagi kemudahan pengguna.



Sumber: <https://www.facebook.com/perahulayar/>



Sumber: <https://www.facebook.com/perahulayar/>



PEJABAT POS

1921



Pejabat Pos Masjid Tanah ini dibina pada tahun 1921.
- Sumber : Arkib Negara Malaysia

Pejabat Pos Masjid Tanah
JKR 2880, Jalan Besar, 78300 Masjid Tanah,
Alor Gajah, Melaka

2019



91

Pada awal tahun 1800, perkhidmatan pos mula diperkenalkan di Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura), dan kemudian berkembang ke seluruh Malaysia menjelang awal abad ke-20. Pejabat pos merupakan kemudahan untuk tujuan penghantaran, penerimaan, isihan dan pengendalian mel. Ke semua item yang dipos dipindahkan daripada pejabat pos kawasan tersebut ke pusat agihan yang dikenali sebagai stesen isihan dan kemudian dihantar kepada penerima. Setiap pejabat pos dipertanggungjawabkan kepada seorang Ketua Pos.

Di Masjid Tanah, pejabat pos juga memainkan peranan yang sangat penting sebagai institusi kewangan. Hampir setiap orang mempunyai buku simpanan wang di pejabat pos (Bank Simpanan Pejabat Pos) walaupun di dalamnya belum tentu ada wang simpanan.

Mereka tidak menyimpan di bank atau institusi kewangan kerana jumlah wang yang sedikit dan tidak banyak bank ketika itu. Bank lazimnya berada di pekan dan bandar yang agak jauh. Bank masyarakat ketika itu ialah pejabat pos.




Pemandangan dalam Pejabat Pos Masjid Tanah
- Sumber : Arkib Negara Malaysia

Perkhidmatan pos bergerak di kawasan luar bandar
Sumber : Arkib Negara Malaysia



92

Sumber : Arkib Negara Malaysia



Sosio-Ekonomi
MASJID
TANAH



PERNIAGAAN

Pada tahun 1920-an, kedai telah banyak dibina. Peniaga-peniaga bandar lain juga telah memilih Pekan Alor Gajah dan Masjid Tanah untuk berniaga kerana kedudukannya yang strategik, iaitu di tengah-tengah persimpangan jalan dari Bandar Melaka ke Kuala Lumpur.

Sektor perniagaan formal atau tidak formal memainkan peranan penting dalam pembangunan sesuatu kawasan. Perkembangan aktiviti ini dapat membantu kerajaan dalam menjana sumber ekonomi bandar disamping membawa faedah dan kebaikan kepada pembangunan ekonomi setempat.



Kawasan-kawasan tumpuan aktiviti ini di Masjid Tanah adalah di sekitar Pekan iaitu Pasar Tani, Pasar Malam, kedai-kedai runcit dan lain-lain.



Kawasan Perindustrian Masjid Tanah

PERINDUSTRIAN

Perkembangan sektor perindustrian di Masjid Tanah telah member impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi di Negeri Melaka amnya di kawasan Masjid Tanah khasnya. Kilang-kilang yang dibina ini juga telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan sekitarnya.

SELAMAT DATANG
TAMAN
PERINDUSTRIAN
MASJID TANAH



Powertek Berhad

Powertek adalah pengeluar tenaga elektrik bebas yang terlibat dalam menjana tenaga elektrik seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Malakoff Berhad dan YTL Power Berhad. Powertek memiliki dan mengendalikan loji kuasa yang dikuasakan oleh gas kering semulajadi dan keupayaan syarikat ini menjana elektrik adalah sebanyak 1,490 MW. Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 1990. Kerja-kerja pembesaran kawasan ini sedang giat dijalankan bermula pada tahun 2019 yang dikendalikan oleh Edra Energy untuk memenuhi permintaan semasa penggunaan tenaga.



Produk ini boleh didapati di semua pasar raya utama dan pasaraya besar seluruh Malaysia. Syarikat ini juga menjadi pembekal utama kepada hotel dan restoran segera.



Farm's Best

Farm's Best Food Industries Sdn Bhd memulakan operasi pada Januari 1996 di Lot 37 & 38 Estet Industrial Masjid Tanah, 78300 Masjid Tanah, Melaka dengan keluasan 8 ½ ekar.

Terdapat 4 bahagian utama yang beroperasi iaitu penternakan ayam itik, pemprosesan dan pengagihan hidup ayam pedaging, memproses ayam dan memproses produk ternakan sejukbeku.



PERTANIAN

Pada tahun 1920 - 1930-an, tanaman getah telah diperkenalkan oleh orang Cina akibat kejatuhan harga ubi kayu dan gambir. Kesan kenaikan harga getah pada tahun 1920-an telah menyebabkan berlakunya proses perbandaran di beberapa mukim di Negeri Melaka seperti Masjid Tanah, Pekan Alor Gajah, Kuala Sungai Baru dan Durian Tunggal.



Aktiviti pertanian secara kecil-kecilan seperti getah, padi dan kelapa sawit masih diusahakan di beberapa kawasan di Masjid Tanah. Kepelbagaian jenis tanaman inilah yang membentuk guna tanah di kawasan ini.



Sumber : Arkib Negara Malaysia



Sumber : Arkib Negara Malaysia





Kian Hong Sawit Masjid Tanah

103



Aktiviti pertanian lain di Masjid Tanah



104

PERIKANAN

Aktiviti perikanan masih diusahakan oleh penduduk Masjid Tanah terutamanya masyarakat Melayu. Hal ini kerana petempatan mereka yang berhampiran dengan laut atau sungai sekitar Pengkalan Balak, Telok Gong, Kuala Sungai Baru dan Kuala Linggi.





Jeti Nelayan Telok Gong

107



Jeti Nelayan Kuala Sungai Baru



Jeti Nelayan Kuala Linggi

108

*Rekreasi
& Pelancongan*
**MASJID
TANAH**

Pantai Tanjung Bidara

Pantai Tanjung Bidara adalah sebuah tempat menarik di Alor Gajah yang letaknya 10km dari Bandar Masjid Tanah.

Ia merupakan pantai perkelahan yang selesa dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Melaka pada ketika itu di bawah pimpinan Tan Sri Abdul Rahim bin Thamby Chik yang mahu memajukan sektor pelancongan.

Antara kemudahan yang telah disediakan untuk kemudahan para pengunjung ialah gerai, pembinaan 50 buah motel dan 15 buah chalet yang dilengkapi dengan bilik mesyuarat, coffee house, kolam renang, gelanggang tenis dan sebagainya



Pantai Tanjung Bidara



Suasana Pantai Tanjung Bidara yang menjadi tumpuan ramai.
Sumber : Suara Melaka Ogos 1983

Pantai Pengkalan Balak

Salah satu pantai menarik di Melaka adalah Pantai Pengkalan Balak yang terletak cuma 29 minit dari Pekan Alor Gajah. Pantai ini menjadi tumpuan pelancong tidak kira tempatan atau dari luar. Sama seperti tempat menarik di Alor Gajah yang berkonsepkan pantai, Pantai Pengkalan Balak merupakan pantai yang bersih, menarik dan meriah dengan ramai pelancong untuk bermandi-manda di samping boleh melihat para nelayan pulang petang membawa hasil tangkapan laut.

Pesisir pantai yang luas disamping keindahan dan keunikan kampung-kampung nelayan menjadikan suasana persekitarannya aman dan permai. Terdapat pelbagai resort dan chalet termasuk penginapan persendirian yang diusahakan penduduk tempatan sepanjang pantai ini.



Pantai Telok Gong




Tempat menarik di Alor Gajah ini berdekatan dengan chalet-chalet dan resort. Ia merupakan sebuah perkampungan tradisional yang mempunyai sebuah pantai iaitu Pantai Telok Gong. Pantai Telok Gong penuh dengan kemudahan dan kedamaian untuk percutian. Ia menjadi tarikan ramai pelancong kerana kecantikan dan keindahan pantainya disamping terdapat sebuah pulau yang mempunyai ciri fizikal yang unik dan menjadi kegemaran pemancing yang dinamakan sebagai Pulau Konet.

117



Kedadaan air pasang menyebabkan Pulau Konet kelihatan terpisah dari tanah besar

Kedadaan air surut menyebabkan Pulau Konet ini kelihatan seperti pelantar yang boleh dikunjungi ramai tanpa perlu menggunakan bot atau perahu.



118

Pusat Penetasan Penyu Padang Kemunting

PUSAT KONSERVASI DAN PENERANGAN PENYU
(Turtle Conservation And Information Centre)
JABATAN PERIKANAN NEGERI MELAKA
(Department of Fisheries Melaka)
**PADANG KEMUNTING, MASJID TANAH
MELAKA**



Sekiranya terdapat anak penyu yang menetas ia akan dilepaskan pada hari yang sama sebelum matahari terbenam.



L: PDG. KEMUNTING
R: MUSA / ANIS
MJ: 10.30 PM
MT: 12.00 PM

Pusat Penetasan Penyu Padang Kemunting merupakan pusat konservasi untuk penyu karah/hawksbill turtle (*Eretmochelys imbricata*) yang merupakan antara penyu yang tercantik di dunia. Dikenali sebagai "hawksbill turtle" kerana keunikan mulutnya yang menyerupai paruh burung helang.

Pusat pengeramannya boleh menampung 300-600 sarang telur penyu pada satu-satu musim bertelur. Setiap sarang penyu adalah sedalam 45cm dan telur penyu biasanya akan mengambil masa lebih kurang 60 hari untuk menetas. Anak penyu yang menetas perlu dilepaskan ke laut dan akan kembali ke pantai kelahiran apabila matang.

Penyu karah adalah dilindungi di bawah Akta Perikanan 1985. Mengikut akta ini, hanya pemungut telur berlesen yang boleh memindah atau mengambil telur. Penyu Karah merupakan spesies yang sangat terancam. Kawasan pantai Pasang Kemunting merupakan salah satu kawasan pendaratan penyu karah yang penting di Melaka.



Mencerap Burung

Raptor ialah burung jenis maging yang mempunyai beberapa ciri pemburu dan pemangsa seperti sayap yang ringan, mata yang tajam, paruh yang bercangkuk dan kuku yang besar serta tajam. Kebanyakan raptor berasal daripada kawasan sejuk hemisfera utara dan boleh didapati di hutan Siberia, Utara China, Mongolia, Jepun dan Korea.




Cape Rachado Birds Sanctuary Tanjung Tuan

Bird Sanctuary Tanjung Tuan atau lebih mesra dengan nama Cape Rachado ini berada berdekatan dengan rumah api Tanjung Tuan. Ia merupakan tempat tumpuan orang ramai untuk melihat burung-burung yang pelbagai spesies.

Selain itu, aktiviti hiking juga disediakan kerana terdapat bukit bukau hijau yang ferhasil daripada batu-batu yang kukuh. Namun begitu, disediakan juga tangga untuk pengunjung mendaki ke Tanjung Tuan.

Para pengunjung boleh menikmati panorama yang cukup menarik disamping melihat kepelbagaian flora dan faunanya.

Cape Rachado itu merujuk kepada sebuah tanjung kecil yang mempunyai dua buah puncak bukit. Ia sebenarnya sebahagian dari Negeri Melaka tetapi tiada laluan darat yang boleh menghubungkan Tanjung Tuan dengan mana-mana daerah di negeri itu.





123

Rumah Api Tanjung Tuan

Rumah Api Tanjung Tuan ini adalah rumah api tertua di Malaysia yang telah dibina pada tahun 1817. Tingginya 1.180 meter terletak di 022° 24.4'U/101°51.2'T. Minyak petrol pertama kali digunakan untuk mengeluarkan cahaya pada tahun 1907.

Rumah api ini asalnya dibuat daripada kayu sahaja tetapi kini telah dibaikpulihan dengan bangunan batu dan dilengkapi dengan sistem lampu yang memenuhi piawai antarabangsa. Pengunjung dapat melihat sempadan laut Sumatera merentasi Selat Melaka yang jaraknya sekitar 24 kilometer sahaja. Disebabkan atas faktor keselamatan, rumah api ini tidak dibuka kepada orang ramai.



124

Rumah Api TANJUNG TUAN
SEKUTERA LAUT MELAKA
 TANJUNGPINANG MELAKA
 MELAKA, NEGERI SEMBILAN

RUMAH API TANJUNG TUAN	
Nama Tempat:	Tanjung Tuan
Koordinat:	Garis Lintang 2° 24.42' U Garis Bujur 101° 51.22' T
Ciri-Ciri Lampu:	F1.5 15 Sekon
Jumlah Pengaparan:	23 Rata-Rata
Ketinggian Lampu:	188 Meter (atas paras APPM)
Ketinggian Bangunan:	24 Meter
Tahun Ditempa:	1883
Penerangan Lain:	Rumah api ini pernah sebagai Rumah Api Cape Rachado

TANJUNG TUAN LIGHTHOUSE	
Name Of Place:	Tanjung Tuan
Location:	Latitude 2° 24.42' N Longitude 101° 51.22' E F1.5 15 Seconds
Light Characteristics:	23 Horizontal Flashes
Visible Range:	188 Meter (above MSL)
Height Of Light:	24 Meters
Year Commenced:	1883
Other Information:	This lighthouse is also known as Cape Rachado Lighthouse

Nama Bukit Supai mungkin diambil daripada perkataan "sepoys" tersebut. Namun begitu, perjanjian persefahaman antara Belanda dan Bugis tidak kekal lama. Akhirnya Belanda meninggalkan kota ini tidak lama selepas kota ini disiapkan. Antara nama lain kota ini ialah "Dutch Fort", "Broken Cannot Fort" dan "Filipina Fort" (diberi sempena nama anak perempuan Jacob Mosel Governor General Dutch East India Company).



Kota fort Supai terletak di Muara Sungai Linggi dan lokasinya adalah di sempadan Mukim Masjid Tanah, Melaka dan Linggi di Negeri Sembilan. Sebelum ada Jambatan Kuala Linggi, kawasan ini hanya boleh dikunjungi dari jalan sebelah Melaka sahaja. Setelah jambatan dibuka pada tahun 1995, maka kawasan ini menjadi "hidup" kerana telah menghubungkan antara dua negeri.



Kota Bukit Supai (Fort Supai)

Kota Bukit Supai ini telah dibuka oleh Belanda dan Bugis setelah berlakunya peperangan pendek pada tahun 1757. Kedua-dua pihak telah bersetuju untuk membina kota ini sebagai cara untuk berdamai. Pada masa itu, kota ini menandakan titik paling utara dalam jajahan Belanda. Kota ini juga membolehkan Belanda untuk memantau dan mengawal pergerakan kapal dari Sungai Linggi dan bahagian Selat Melaka yang berada disini. Secara muslihatnya, Belanda ingin mengenakan cukai bagi kapal-kapal bijih timah dari Sungai Linggi dan Sungai Rembau yang boleh dipintas walaupun Rembau di bawah Kerajaan Negeri Sembilan. Kota ini dijaga oleh askar-askar upahan berkemungkinan "sepoys" dari india dan disokong oleh beberapa orang askar Belanda.



Kompleks Falak Al-Khawarizmi



Kompleks ini terletak di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, Masjid Tanah dan merupakan Kompleks falak yang terbesar di Malaysia. Ia merupakan antara kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Melaka bagi mengkaji dan meneroka kejadian serta rahsia alam cakerawala.

Terdapat tiga bangunan utama di dalam Kompleks Falak Al-Khawarizmi iaitu Balai Cerap, Planetarium dan Pusat Latihan. Pelbagai usaha dijalankan bagi menggalakkan penyebaran ilmu falak kepada masyarakat melalui aktiviti pelancongan. Para pengunjung akan diberi pengetahuan asas tentang ilmu falak dan merasai kebesaran keagungan ciptaan Maha Pencipta.



Eko-Pelancongan Paya Lebar

Eko-pelancongan di Paya Lebar menjanjikan pengalaman luar biasa. Pengunjung dapat menyusuri sungai sambil menikmati panorama hutan paya bakau serta haiwan liar yang pelbagai jenis antaranya burung, monyet, buaya dan banyak lagi. Tarikan utama yang terdapat di sepanjang perjalanan 5km dan mengambil masa selama 2 hingga 3 jam ini adalah Pusat Penghasilan Madu Lebah Kelulut, Boardwalk, Sabak Arang, Jeti Tebing Urut, Taman Lokan, Firefly Sanctuary, Kubur Buaya Tembaga 100 Tahun dan tinggalan lama Kota Belanda, Kota Sempang.





Tanah persendirian milik Pak Zainal ini dibangunkan atas usaha dan keringatnya sendiri. Beliau menempatkan beratus-ratus lokan yang dikutip di sekitar hutan bakau Sungai Linggi untuk tarikan pelancongan terutamanya peserta river cruise. Taman ini juga boleh dijadikan tapak untuk perkhemahan atau tapak pelbagai aktiviti motivasi kerana ianya cukup luas dan selesa. Di sini, anda dapat berehat di kerusi dan meja taman buatan sendiri dengan binaan batu dan kulit lokan yang unik dan menarik. Terdapat juga kerusi urut dan bermacam-macam lagi peralatan taman menarik telah dibina sendiri oleh Pak Zainal. Selain dapat beristirahat di sini, anda boleh melakukan pelbagai aktiviti santai seperti menuai lokan, berkelah, berkhemah dan membakar lokan bersama keluarga dan rakan-rakan.




KOTA SEMPANG

Kota Sempang agak sukar dilawati dengan menggunakan jalan darat dan memerlukan seorang pemandu pelancong daripada penduduk tempatan yang mahir. Kota ini boleh dilawati dengan menggunakan perahu atau river cruise yang menyelusuri Sungai Linggi. Kesan-kesan peninggalan sejarah seperti perigi, tembok dan tiang bangunan masih ada dan utuh di kawasan Kota Sempang ini dan dijadikan untuk bahan kajian sejarah serta menjadikan kawasan ini kawasan tarikan pelancong dalam dan luar negara pada masa akan datang.



Desa Balqis

Desa Balqis memperkenalkan rekaan rumah kayu yang unik sesuai bagi anda ingin sesuatu yang berlainan dan lari dari gaya hidup bandar dan moden. Ini adalah tempat yang sempurna untuk segala jenis aktiviti seperti hari keluarga, majlis perkahwinan, majlis korporat dan banyak lagi. Dikelilingi suasana yang tenang, Desa Balqis menjadi daya tarikan utama di Kuala Linggi, Melaka.





Menu
MASJID
TANAH



Kuih Cara Berlauk & Kuih Bakar Tepi Petronas Masjid Tanah



Warung Hijau Rojak Sotong

Beroperasi pada jam 5.00ptg - 11.00 mlm. Kedai ini terletak di Kg Durian Daun Masjid Tanah. Memperkenalkan pelbagai menu makanan seperti Rojak Seafood, Mee Kupang, Char Koay Teow Sotong, Mee Goreng Sotong Banjir dan Rojak Sotong Jumbo.



Asam Pedas Wariqh & Yong Tau Foo Mr Cikenz

Beroperasi pada jam 12.00 tgh - 12 mlm. Lokasinya terletak di MT 1531, Pusat Perdagangan Masjid Tanah, Alor Gajah, Melaka. Kedai ini menyajikan pelbagai menu menarik seperti Asam Pedas Claypot, Yong Tau Foo, Nasi Ayam Penyet dan Western Foods.



Citarasa Belangkas

Beroperasi pada jam 5.30 ptg - 11.30 mlm. Kedai ini terletak di Kampung Kuala Linggi iaitu berhampiran LKIM Kuala Linggi. Memperkenalkan pelbagai jenis masakan berasaskan belangkas sebagai menu utama.





Tapai Pulut Sarimah

Sememangnya terkenal di Alor Gajah dengan pengeluaran lebih 70,000 sebulan. Tapai ini bukan sahaja terkenal di dalam Melaka bahkan terdapat tempahan dari Istana Johor, Singapura, Indonesia dan juga India.



Medan Ikan Bakar

Medan Ikan Bakar Pengkalan Balak, Medan Ikan Bakar Kuala Sungai Baru dan Medan Ikan Bakar Fort Supai



Restoran Astana Puteh

Lokasinya terletak di Batu 17, Jalan Solok Duku, 78300 Masjid Tanah, Melaka. Waktu operasinya bermula dari jam 5.00 petang - 12.00 pagi. Sesuai dengan namanya Astana Puteh, bangunannya nampak menyerlah di malam hari.

Selain daripada menyediakan pelbagai menu makanan arab, terdapat kemudahan lain seperti menyediakan homestay dan dewan bagi yang berminat untuk membuat majlis keramaian. Astana Puteh dapat merealisasikan impian pelbagai majlis kenangan yang terindah buat pasangan, keluarga dan sahabat tercinta.



143



Restoran dengan warna tema putih ini sungguh terpancar kebersihannya. Bukan hanya bersih, keluasannya juga menjadikan Restoran Astana Puteh sebagai destinasi pilihan yang sesuai dan selesa untuk disinggahi bersama keluarga.



144



The background features a light yellow color with several diagonal brushstrokes in a slightly darker shade of yellow. A prominent, thick, bright yellow brushstroke runs diagonally from the upper right towards the lower left, serving as a backdrop for the text.

Wajah-wajah
MASJID
TANAH

TOKOH-TOKOH

Kemashuran Bandar Masjid Tanah boleh dikaitkan dengan barisan tokoh yang hebat dalam pelbagai peringkat dan bidang seterusnya membuktikan anak-anak kelahiran Masjid Tanah bukan sahaja penyumbang kepada sejarah dan pembangunan negeri, malah kepada Negara.

Beliau dilahirkan pada tahun 1936 di Masjid Tanah, Melaka. Merupakan seorang pendidik dan seorang diplomat dengan 30 tahun perkhidmatan yang cemerlang dalam organisasi kerajaan mahupun organisasi-organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara Pertubuhan Pusat Serantau Inovasi dan Teknologi Pendidikan (SEAMEO Innotech), Pertubuhan Sosial, Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam (ISESCO), Sekretariat Komanwel dan Wilayah Institut Pembangunan Pengajian Tinggi (RIHED). Beliau juga dikenali kerana sumbangan yang besar dalam bidang pendidikan.



**Tan Sri Datuk Seri Panglima
Dr. Abdul Rahman Arshad**



**Tan Sri Datuk Seman
Bin Yusop**

Beliau dilahirkan pada 10 Januari 1944 di Masjid Tanah, Melaka. Merupakan seorang Ahli Parlimen Malaysia bagi kawasan Parlimen Masjid Tanah di Negeri Melaka dari tahun 2004 hingga 2013. Seorang ahli parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dalam gabungan Kerajaan Barisan Nasional, beliau berkhidmat di Kementerian Luar Kerajaan berturut-turut selama tempoh itu. Diantara sumbangannya, Datuk Wira Abu Seman telah dianugerahkan beberapa Darjah Kebesaran seperti Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) yang membawa gelaran Datuk Wira pada tahun 1998, Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang membawa gelaran Datuk pada tahun 1994, Kesatria Mangku Negara (KMN) Pada tahun 1998, Jaksa Pendamai (JP) pada tahun 1992 dan Bintang Khidmat Terpuji (BKT) pada tahun 1987.

Beliau dilahirkan pada 10 April 1950 di Masjid Tanah, Melaka. Merupakan seorang ahli politik yang pernah memegang jawatan Naib presiden UMNO. Beliau pernah menjadi pengerusi RISDA, Yayasan Penggerak Wawasan (YWP), Gagasan Ekonomi Penggerak Melayu (GAPEM) dan juga Pengerusi Eksekutif Syarikat Artac Holdings Sdn. Bhd dan merupakan Ketua Menteri Melaka yang ke-6 pada 26 April 1982 - 13 Oktober 1994.



**Tan Sri Abdul Rahim
Bin Thamby Chik**



**Allahyarham Datuk Haji
Borhan Mohd Yaman**

Beliau dilahirkan pada 7 April 1929 di Kampung Lubok Redan, Melaka. Juga dikenali dengan nama penanya Burmy, terkenal sebagai seorang penulis dan ahli politik. Beliau memperjuangkan nasib orang Melayu menerusi UMNO dan memainkan peranan penting bagi menukar nama-nama jalan kepada nama-nama bercorak kebangsaan. Beliau mempunyai kira-kira 3,000 naskah buku berkaitan budaya dan penulisan Melayu yang diamanahkan kepada keluarga untuk dipelihara buat tatapan anak, cucu, cicit dan juga penulis muda pada masa akan datang. Meninggal dunia pada 29 Disember 2013 akibat sakit tua.



**Hjh Mas Ermieyati Binti
Haji Samsudin**


Beliau dilahirkan pada 13 November 1976. Merupakan ahli politik wanita Malaysia dan Ahli Parlimen P134 Masjid Tanah sejak Mei 2013 setelah memenangi Pilihanraya Umum Ke-13 dengan majoriti 16,200. Beliau juga merupakan mantan Ketua Pergerakan PUTERI UMNO Malaysia setelah memenangnya pada Pemilihan UMNO 2013. Beliau juga merupakan Wanita pertama dari Negeri Melaka yang terpilih sebagai Ahli Parlimen dari kalangan wanita. Mempunyai Firma Guaman Tetuan Ermiey Nizam & Co serta Ahli Majlis Kerja Tertinggi GB4B Malaysia.



Ceriah MASJID TANAH



Tirai Berlambuk



Penghargaan

Pihak penerbit buku Imej Bandar Masjid Tanah ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan atau agensi yang turut sama menyumbang dalam penyediaan buku ini ;

Badan Warisan Negara

Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah

Majlis Perbandaran Alor Gajah

Arkib Negara Malaysia

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka

Perbadanan Muzium Melaka

Individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan buku ini.

Rujukan

Badan Warisan Malaysia. Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar. Panduan Mengendali Warisan Rupa Bandar Berasaskan Inventori Bangunan Warisan Malaysia.

Jabatan Muzium Malaysia. 2014. Senibina Malaysia : Warisan dalam kepelbagaian. Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia.

Jabatan Warisan Negara, 2007. Adat pepatih : Esei Pilihan. Perpustakaan Negara Malaysia.

Suara Melaka, 1983-1995. Perpustakaan Negeri Melaka.

<http://jpnmelaka.moe.gov.my/tester/index.php/pelajar/senarai-sekolah-sekolah-negeri-melaka/sekolah-rendah-daerah-alor-gajah>

<https://www.facebook.com/perahulayar/>

<http://masjidtanah.sjkc.com.my/home/history>

<http://www.jbsn.gov.my/en/jbs-melaka/item/3858-projek-pembangunan-kompleks-sukan-masjid-tanah-melaka.html>